

TAKAFULINK DANA ASIA


All information as at 30 April 2025 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Asia aims to provide capital appreciation by investing in Shariah-compliant securities in the Asia Pacific ex-Japan region including Malaysia.

Takafulink Dana Asia bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dalam rantau Asia Pasifik kecuali Jepun, termasuk Malaysia.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund	96.52
2 Cash, Deposits & Others	3.48

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	10/05/2021
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM2,873,327.10
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM0.86583

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Asia Vs. 30% FTSE Bursa Malaysia EMAS
Shariah Index (FBMS) + 70% MSCI AC Asia ex
Japan Islamic Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-2.61%	-4.01%	-7.71%	-11.68%	-8.01%	NA	-13.42%
Benchmark / Penanda Aras	-0.39%	-1.77%	-7.61%	-14.42%	-4.43%	NA	-12.52%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-2.22%	-2.24%	-0.10%	2.74%	-3.58%	NA	-0.90%

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 30 April 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned -2.61% for the month, underperforming the benchmark return of -0.39% by 2.22%. Year-to-date, The Fund returned -7.01%, underperforming the benchmark return of -3.25% by 3.76%. Malaysia's manufacturing sector moderated further in April, with a softer PMI reading of 48.6pts vs. 48.8pts in the previous month. The latest PMI data still suggests modest growth in GDP for 1Q25 – advanced estimates show MY GDP grew 4.4% in 1Q25. To recap, Malaysia's GDP grew by 5.0% in 4Q24 and 5.1% for 2024. BNM maintained its GDP growth forecast of 4.5-5.5% in 2025 during the recent briefing but highlighted potential risk to growth due to the trade restrictions. BNM maintained OPR at 3.00% during the last MPC meeting and the Target Fund Manager expect the central bank to hold rates steady given muted inflation and modest economic growth. Inflation slowed to 1.4% in March, lower than the 1.5% in the previous month. There appears to be sufficient headroom to central bank's latest 2.0-3.5% CPI forecast for 2025 with the impending subsidy rationalization plans. On Malaysia front, market improved in April on improved investor sentiment but to drive the market further there need to be a clear direction on how Malaysia would be able to navigate macro headwinds amid Trump's tariff trade war. At current juncture, the Target Fund Manager would look to rebalance portfolios. They remain constructive on domestic driven sectors and potential direct beneficiaries of the NETR and stay invested in sectors exposed to them. Key risks include a further escalation of global trade tensions affecting Malaysia exports that may trickle down to economic growth numbers. The US tariff hikes were higher than expected and could lead to weaker global growth. The optimistic view is that tariffs are a negotiating tactic intended to pave the way for an extension of the Tax Cuts and Jobs Act. But the Trump administration may also want to rewire global trade practices. With the export outlook becoming more difficult, China's domestic economy will have to pick up the slack. Policies to boost consumption and revive the private sector are more probable now that China has retaliated to US's tariffs. The Target Fund Manager have preference for domestic-oriented stocks and are positioned in the areas of e-commerce, cloud, electric vehicles and travel. Elsewhere, they have moderated their positions in Taiwan technology and Japan industrial, whereby global growth or tariffs can be an issue. In India, the Target Fund Manager need to see more signs of corporate-level growth improvement to turn more positive. However, from a portfolio perspective, they have incrementally added to India as it offers some insulation against the tariff situation compared to other Asian countries. The Target Fund Manager favor areas such as cement, selected two and four-wheelers and hospitals. In the coming months, they can look forward to RBI's continued monetary easing, income tax reliefs from April onwards, and easing commodity prices (e.g. crude oil) as catalysts for a more favorable India outlook. They complemented their growth-oriented positions with selected defensives in Singapore (telco, commercial property) and Thailand (telco, healthcare).

Tinjauan & Strategi Dana

Dana menyampaikan pulangan -2.61% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.39% dengan perbezaan 2.22%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana mengembalikan -7.01%, tidak mengatasi pulangan penanda aras -3.25% dengan perbezaan 3.76%. Sektor pembuatan Malaysia terus menyederhana pada bulan April, dengan bacaan PMI yang lebih lembut iaitu 48.6 mata berbanding 48.8 mata pada bulan sebelumnya. Data PMI terkini masih mencadangkan pertumbuhan KDNK 1Q25 yang sederhana – anggaran awal menunjukkan KDNK Malaysia meningkat 4.4% pada 1Q25. Sebagai rujukan, KDNK Malaysia meningkat sebanyak 5.0% pada 4Q24 dan 5.1% bagi tahun 2024. BNM mengekalkan unjuran pertumbuhan KDNK pada 4.5-5.5% bagi tahun 2025 semasa taklimat baru-baru ini tetapi menyorot potensi risiko kepada pertumbuhan yang disebabkan oleh sekatan perdagangan. BNM mengekalkan OPR 3.00% semasa mesyuarat MPC yang lalu dan Pengurus Dana Sasaran menjangkakan bahawa bank pusat tersebut akan mengekalkan kadar yang stabil memandangkan keadaan inflasi yang tenang dan pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Inflasi memperlahan kepada 1.4% pada bulan Mac, lebih rendah daripada 1.5% pada bulan sebelumnya. Kelihatan terdapat ruang yang mencukupi untuk ramalan CPI terkini bank pusat pada 2.0-3.5% bagi tahun 2025 dengan rancangan rasionalisasi subsidi yang akan dilaksanakan. Meninjau Malaysia, pasaran bertambah baik pada bulan April berikutan sentimen pelabur yang semakin segar tetapi untuk memacu pasaran lebih jauh perlu ada hala tuju yang jelas tentang bagaimana Malaysia akan dapat mengharungi tantangan makro di tengah-tengah perang tarif perdagangan Trump. Pada ketika ini, Pengurus Dana Sasaran akan bertindak untuk mengimbangi semula portfolio. Pasukan pelaburan masih berpandangan konstruktif terhadap sektor yang didorong domestik dan bakal penerima langsung manfaat NETR serta kekal melabur dalam sektor yang terdedah kepadanya. Risiko utama termasuk konflik perdagangan global yang semakin menegang lalu menjelaskan eksport Malaysia seterusnya menyebabkan kemerosotan angka pertumbuhan ekonomi. Kenaikan tarif AS lebih tinggi daripada jangkaan dan boleh melemahkan pertumbuhan global. Pandangan optimistik tentang tarif ialah ianya taktik rundingan yang bertujuan untuk membuka jalan bagi pemanjangan Akta Pematangan Cukai dan Pekerjaan. Namun begitu, pentadbiran Trump juga mungkin mahu menyusun semula amalan perdagangan global. Dengan prospek eksport yang semakin sukar, maka ekonomi domestik China perlu mengatasi kesukaran. Kebarangkalian penggubalan dasar untuk menggalakkan penggunaan dan memulihkan sektor swasta adalah lebih besar sekarang kerana China telah bertindak balas terhadap tarif AS. Pengurus Dana Sasaran mengutamakan stok berorientasikan domestik dan diberi kedudukan dalam bidang e-dagang, awan, kenderaan elektrik dan perjalanan. Di tempat lain, pengurus telah mengecilkan kedudukan dalam teknologi Taiwan dan perindustrian Jepun, yang mana pertumbuhan global atau tarif boleh menjadi isu. Di India, Pengurus Dana Sasaran perlu nampak lebih banyak tanda peningkatan pertumbuhan di peringkat korporat untuk berpandangan lebih positif. Walau bagaimanapun, dari perspektif portfolio, pengurus telah menambah pegangan di India sedikit demi sedikit kerana negara ini menawarkan perlindungan terhadap situasi tarif berbanding dengan negara Asia yang lain. Pengurus Dana Sasaran mengutamakan sebilangan bidang seperti simen, kenderaan roda dua dan empat serta hospital. Dalam beberapa bulan yang akan datang, pengurus boleh meraikan kelangsungan pelonggaran monetari RBI, pelepasan cukai pendapatan mulai April dan selepasnya, serta penurunan harga komoditi (contohnya minyak mentah) sebagai pemangkin buat prospek India yang lebih memberangsangkan. Pengurus melengkapkan kedudukan berorientasikan pertumbuhan dengan bidang tertentu yang defensif di Singapura (telekomunikasi, harta komersil) dan Thailand (telekomunikasi, penjagaan kesihatan).

Source / Sumber: Fund Commentary, April 2025, Principal Asset Management Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 30 April 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 April 2025 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL